

No.Rujukan : PNM(G) 006 Jld.28 ( )  
Tarikh : 4hb April, 2012

Seperti Senarai Edaran

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan

## **PELAKSANAAN PELARASAN KENAIKAN GAJI KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA DI BAWAH SISTEM SARAAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pembayaran Pelarasan Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) akan dibayar mulai gaji bulan April 2012 iaitu pada **25 April 2012**. Kenaikan gaji dan elaun tersebut adalah selaras dengan **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2012** – Kenaikan Gaji Pegawai Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia dan **Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2012** – Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup.

3. Selaras dengan kehendak pekeliling-pekeliling ini, semua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah dikehendaki mengambil langkah-langkah berikut :-

- 3.1 **Menyemak data gaji tahun 2011** seperti pada 31.03.2012. Ini kerana kenaikan gaji 2012 dikira berdasarkan gaji terakhir pada 31.12.2011 setelah mengambil kira sekali kenaikan gaji tahunan tahun tersebut.
- 3.2 Kunci masuk data **perubahan gaji baru dan elaun-elaun lain** yang terlibat (EM baru, COLA baru, BIW baru, BIPK baru , BIP baru) serta **tunggakan** bagi gaji dan elaun-elaun tersebut melalui **Borang Kew 8 dan Kew 320** Modul Gaji Sistem Perakaunan Berkomputer Bersepadu Kerajaan Negeri (SPEKS).
- 3.3 Menyemak serta kunci masuk dengan betul data gaji bulan April 2012. Amaun gaji baru adalah berdasarkan kenaikan mengikut kelayakan gred dari **7 hingga 13 peratus**.
- 3.4 Sekiranya borang perubahan gaji **Kew 320 bulan April 2012 telah dikunci masuk**, Jabatan/PTJ hendaklah **meminda** perubahan tersebut dengan mengambil kira perubahan kenaikan gaji dan elaun serta pelarasan tunggakan gaji dan elaun tersebut.
- 3.5 Pihak Jabatan/PTJ hendaklah memastikan **pegawai yang bercuti separuh gaji dibayar mengikut amaun yang sepatutnya**. Kelayakan pegawai hendaklah disemak supaya hanya pegawai yang **layak sahaja** menerima pembayaran SSM dengan amaun yang betul.
- 3.6 Bagi pegawai yang **bersara dan meletakkan jawatan pada bulan April 2012**, bayaran pelarasan boleh dibuat melalui **baucer berasingan**.
- 3.7 Jabatan/PTJ juga dinasihatkan agar **menyemak semula caruman KWSP dan Potongan Cukai Berjadual (PCB)** yang dipotong secara automatik dari sistem bagi memastikan amaun potongan caruman tersebut adalah betul dan tepat.

4. Sehubungan dengan ini, Jabatan/PTJ hendaklah **kunci masuk data perubahan gaji dan menghantar borang Kew320** serta dokumen sokongan ke Perbendaharaan Negeri Melaka **selewat-lewatnya 11hb April 2012 (Rabu) sebelum jam 3.00 ptg.**

5. Sekiranya Y.Bhg Datuk/Datin/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, sila hubungi pegawai seperti di talian berikut :-

- |      |                            |   |                 |
|------|----------------------------|---|-----------------|
| i)   | En.Naharudin bin Saadan    | - | 06-2307527      |
| ii)  | Pn.Zalinah binti Hamzah    | - | 06-2307589      |
| iii) | Cik Razariah binti Radzali | - | 06-2307285      |
| iv)  | 'Checker' Gaji             | - | 06-2307298/7802 |


6. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU"**

Saya yang menurut perintah,



**(SADIKIN BIN ATON)**

Bendahari Negeri,  
**Melaka.**

s.k : YB Pegawai Kewangan Negeri Melaka

: Fail Timbul